

Perdagangan manusia

BH 15/7/09 MIS 10

Oleh Shamsiah Sanin
bhnita@bharian.com.my

PERTUBUHAN bukan kerajaan (NGO) hak asasi manusia yang terbabit dalam usaha membanteras perdagangan manusia di Nepal melaporkan peningkatan jumlah wanita, kanak-kanak dan lelaki di negara itu yang dijual ke Asia Barat sebagai pekerja seksual atau ke India sebagai pembantu rumah, pekerja kilang, penghibur sarkas atau pengemis.

Pertubuhan itu turut melaporkan peningkatan perdagangan manusia dalam negeri dan antarabangsa. Walaupun data yang ada terlalu kurang, pertubuhan itu menganggarkan seramai 10,000 hingga 15,000 wanita dan remaja perempuan Nepal dijual ke India setiap tahun, manakala 7,500 lagi kanak-kanak didagangkan di dalam negeri bagi tujuan eksploitasi seks.

Dalam banyak kes, anggota keluarga atau saudara-mara terdekat turut menyediakan kemudahan bagi perdagangan wanita dan gadis muda untuk eksploitasi seks.

Dalam satu kenyataan, Yayasan Bagi Peluang Untuk Belia Nepal menyatakan, wani-ta negara itu turut didagang-

Pejuang hak asasi manusia sedia program atasi eksploitasi wanita dan kanak-kanak untuk seks



KANAK-KANAK Nepal turut menjadi mangsa perdagangan manusia.

kan ke negara Asia lain termasuk Hong Kong, Korea Selatan dan Malaysia untuk eksploitasi seks dan buruh paksa.

"Kami menganggarkan setiap tahun antara 20,000 hingga 25,000 wanita menjadi pembantu rumah secara paksa. Mereka yang dipaksa menjadi buruh akibat hutang juga menjadi masalah ketara di Nepal. Di dalam banyak

kes seluruh keluarga terpaksa menjadi buruh, pekerja ladang atau gembala lembu," kata jurucakap yayasan itu.

Beliau berkata, lebih sejuta lelaki dan wanita Nepal bekerja di luar negara selain India yang setakat ini menjadi destinasi paling popular pekerja Nepal.

Ramai di antara mereka bekerja di Malaysia, Korea Selatan, Arab Saudi, Amerika,

Emiriah Arab Bersatu (UAE), Qatar dan negara Teluk lain dengan bantuan broker pekerja serta agensi sumber manusia untuk bekerja sebagai pembantu rumah, pekerja pembinaan dan buruh kurang mahir.

Sebilangan mereka terpaksa menghadapi pelbagai masalah termasuk keadaan kerja kurang memuaskan, malah ada yang

dijadikan buruh paksa, apabila majikan menahan pasport mereka dan tidak membayar gaji, mengugut dan tidak memberi makanan secukupnya selain penderaan fizikal dan seksual.

"Ramai lagi diperdaya mengenai negara yang mereka tuju. Ramai mangsa perdagangan manusia terbabit dengan hutang, sebahagiannya ber-

punca daripada bayaran yuran tinggi yang dikenakan ejen di Nepal," katanya.

Beliau berkata 'pedagang manusia' biasanya memberi 'gaji pendahuluan' bagi mengikat mangsa dengan hutang yang kemudian digunakan untuk memaksa mereka bekerja sebagai buruh paksa bagi mengelak ancaman serius. Malangnya usaha kerajaan

di Nepal meningkat

Nepal untuk menghapuskan perdagangan manusia tidak menunjukkan kejayaan memberangsangkan. Bagaimanapun pelbagai langkah sudah diambil untuk menanganinya.

"Kerajaan meneruskan usaha mendakwa mereka yang terbabit dan meningkatkan kesedaran awam mengenai perdagangan manusia, namun masih banyak perkara perlu dipertingkatkan. Masalah perdagangan manusia membabitkan pegawai kerajaan sendiri terus menjadi masalah serius di Nepal," katanya.

Beliau berkata, Nepal mencapai sedikit kejayaan dalam usaha menguatkuasakan

“Ramai mangsa perdagangan manusia terbabit dengan hutang, sebahagiannya berpunca daripada bayaran yuran tinggi yang dikenakan ejen di Nepal”

Jurucakap

Yayasan Bagi Peluang Untuk Belia Nepal


undang-undang antiperdagangan manusia melalui Akta Kawalan Perdagangan Manusia dan Pengangkutan (TPTA), yang melarang semua bentuk perdagangan manusia dan mengenakan hukuman penjara antara 10 hingga 20 tahun.

Melalui Akta Pengambilan Pekerjaan Luar Negara 2007 agensi atau orang perseorangan yang menghantar pekerja ke luar negara dengan janji palsu atau dokumen yang tidak mematuhi peraturan adalah melakukan kesalahan dan boleh dipenjarakan hingga tujuh tahun.

Mengikuti perangkaan Pejabat Peguam Negara Nepal (OAG), seramai 14 orang didapati bersalah melakukan jenayah perdagangan manusia tahun lalu, manakala 19 lagi dibebaskan.

OAG bagaimanapun tidak menyediakan maklumat mengenai hukuman yang dikenakan ke atas pesalah terbabit.

Sementara itu Kementerian Wanita, Kanak-Kanak dan Kebajikan Sosial Nepal berkata, pihaknya meningkatkan bantuan kewangan di 26 daerah di negara itu dalam usaha memberi kesedaran dan membanteras perdagangan wanita dan kanak, namun jumlah itu masih tidak mencukupi.




WANITA desa bersama barang jualan mereka.

"Kami menjalankan kempen umum pada Hari Antiperdagangan Manusia bagi menyedarkan rakyat negara ini agar lebih berhati-hati," kata seorang pegawainya.

Kerajaan Nepal sehingga kini belum mengambil sebarang langkah khusus bagi mengurangkan atau membanteras

mengenai pelancongan seks kanak-kanak.

Sehingga kini, terlalu sedikit tindakan dibuat untuk membanteras eksploitasi kanak-kanak di dalam industri seks tempatan yang semakin meningkat atau mengambil langkah pencegahan secara berkesan terhadap masalah ini.



GADIS muda kurang kesedaran mengenai eksploitasi seks ke atas mereka.